

**HONG LEONG BANK BERHAD DAN HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD
15% PULANGAN TUNAI ATAS SETIAP TRANSAKSI MENJAMU SELERA SAMSUNG PAY
KETIGA KAD KREDIT/KAD DEBIT/KAD DEBIT-i HONG LEONG**

Dikemaskini pada 28 Mac 2018

TEMPOH PROMOSI

"15% Pulangan Tunai atas Setiap Transaksi Menjamu Selera Samsung Pay Ketiga" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) ("HLISB") (HLB dan HLISB secara kolektif disebut "Bank") bermula dari 1 April 2018 dan berakhir pada 31 Julai 2018, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Promosi"), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Promosi terbuka kepada seluruh Pemegang Kad Kredit Utama dan Pemegang Kad Debit Utama Bank sedia ada dan baharu yang telah berjaya mendaftarkan Kad Kredit ('Kad Kredit') dan/atau Kad Debit dan/atau Kad Debit-i (secara kolektif disebut "Kad Debit/-i") yang dikeluarkan oleh Bank atas Samsung Pay termasuk semua Kad Kredit Mach dan Kad Debit Mach sedia ada, kemudian daripada ini disebut "Pemegang Kad Layak" kecuali yang dinyatakan dalam Fasal 2.
2. Pemegang Kad Layak tidak termasuk mereka yang berikut:
 - a. Pemegang Kad yang memiliki Kad Kredit/Debit/-i yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - b. Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit/Debit/-i mereka TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i ("CASA/CASA-i") yang sudah ditutup atau tak aktif atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat Bank yang mengawal Akaun Kad Kredit/Debit-i dan/atau akaun CASA/CASA-i pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi; dan/atau
 - c. Pemegang Kad yang Akaun Kad Kredit atau Akaun Kad Debit/-i mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Kredit/Debit/-i mereka tak sah atau dibatalkan menurut takrif Bank pada bila-bila masa semasa Tempoh Promosi sehingga selesai penuhan.
3. Dengan menyertai Promosi dan/atau dengan menerima Pulangan Tunai (seperti ditakrif dalam Fasal 4 di dalam ini), Pemegang Kad Layak bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat yang dinyatakan di dalam ini.

KAEDAH PROMOSI

4. Pemegang Kad Layak yang melakukan dua (2) Transaksi Layak (seperti yang ditakrif dalam Fasal 9 di bawah) dengan sebarang amaun dalam satu resit sebelum berakhirnya setiap bulan promosi sertaan ("Bulan Sertaan") menggunakan mana-mana Kad Kredit atau Kad Debit/-i semasa Tempoh Promosi ("Kriteria Promosi"), akan berpeluang memenangi 15% pulangan tunai ("Pulangan Tunai") atas Transaksi Layaknya yang ketiga (ke-3) atau setiap Transaksi Layaknya yang ke-3 bagi Bulan Sertaan tersebut, menurut cara seperti yang diterangkan dalam jadual Pulangan Tunai dalam Fasal 5 di bawah atas dasar siapa cepat dia dapat.
5. Jadual Pulangan Tunai

Bulan Sertaan	1-30 Apr'18	1-31 Mei'18	1-30 Jun'18	1-31 Jul'18
*15% Pulangan Tunai atas setiap transaksi jamu selera Samsung Pay ke-3 dalam RM (dihadkan Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) setiap Bulan Sertaan bagi setiap Pemegang Kad Layak)	30	30	30	30
Jumlah Pembayaran Pulangan Tunai (RM)	75,000	75,000	75,000	75,000

*Bagi Pemegang Kad HLISB, Ganjaran Pulangan Tunai (15% Pulangan Tunai, dihadkan RM30) dianggap sebagai ‘hibah’ (pemberian) daripada HLISB kepada Pemegang Kad Layak.

- Contoh kelayakan Pulangan Tunai ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Dates	1/4	3/4	8/4	11/4	18/4	23/4	1/5	10/5	25/5
Senario 1									
Perbelanjaan jamu selera (RM) dalam satu resit	10	30	100	20	50	120	70	90	180
Bilangan transaksi layak	1 st	2 nd	3 rd	1 st	2 nd	3 rd	1 st	2 nd	3 rd
Pulangan Tunai (RM)	N/A	N/A	15	N/A	N/A	15	N/A	N/A	27
Senario 2									
Perbelanjaan jamu selera (RM) dalam satu resit	10	30	100	NIL	20	50	120	70	90
Bilangan transaksi layak	1 st	2 nd	3 rd	N/A	1 st	2 nd	1 st	2 nd	3 rd
Pulangan Tunai (RM)	N/A	N/A	15	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A	13.50

- Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai dihadkan **Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30.00)** sahaja bagi setiap Pemegang Kad Layak dalam setiap Bulan Sertaan (tanpa mengira sama ada Pemegang Kad Layak melakukan transaksi menggunakan Kad Kredit dan/atau Kad Debit/-i melalui aplikasi Samsung Pay).
 - Jumlah pembayaran pulangan tunai ialah **Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Ribu (RM75,000.00)** bagi setiap Bulan Sertaan (“Jumlah Pulangan Tunai Bulan Sertaan”) dan **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000.00)** sepanjang Tempoh Promosi.
 - Transaksi Layak adalah:
 - Bayaran jamu selera diluluskan yang dibuat oleh Pemegang Kad Layak menggunakan Kad Kredit atau Kad Debit/-i melalui via Samsung Pay pada pembaca/ terminal yang menerima transaksi Samsung Pay di Malaysia; dan
 - Promosi ini hanya sah bagi transaksi menjamu selera yang dibuat di bawah Kod Kategori Peniaga (MCC) berikut seperti tersenarai dalam jadual di bawah dan dicaj kepada Kad Kredit dan/atau Kad Debit/-i dalam masa Tempoh Promosi yang dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM);
- | MCC | Keterangan | Contoh |
|------|----------------------------|--|
| 5812 | Tempat makan atau restoran | Madam Kwan's, PappaRich, TGI Fridays, Sushi King, San Francisco, Kenny Rogers, Nando's, Absolute Thai, café hopping dan lain-lain lagi |
| 5814 | Makanan segera | McDonalds, KFC, 4 Fingers dan lain-lain lagi |
| 5499 | Stor makanan khusus | Starbucks, Coffee Bean dan lain-lain lagi |
- Penetapan Kategori Peniaga dan Kod Kategori Peniaga bagi setiap peniaga adalah tertakluk kepada pengelasan oleh bank pemeroleh masing-masing dan bank pemeroleh berkenaan itu bertanggungjawab menetapkan Kategori Peniaga dan Kod Kategori Peniaga yang betul. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap penetapan Kategori Peniaga dan Kod Kategori Peniaga yang tak betul atau tak sama dan menyebabkan Pulangan Tunai bagi transaksi runcit tidak dicatatkan pada pihak peniaga layak. Pemegang Kad tidaklah berhak menuntut apa-apa pampasan terhadap Bank kerana tiada pencatatan Pulangan Tunai disebabkan penetapan Kategori Peniaga yang tak betul atau tak sama oleh bank pemeroleh peniaga masing-masing.

10. Transaksi Layak **TIDAK TERMASUK** yang berikut:
 - a. MCC selain yang dinyatakan dalam Fasal 9(b) di atas;
 - b. Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - c. Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Kredit/Debit; atau
 - d. Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti oleh HLB) yang dikenakan oleh Bank.
11. Penjejakkan Transaksi Layak akan didasarkan pada tarikh transaksi (dan waktu berdasarkan Waktu Malaysia bagi Transaksi Layak) yang dicatatkan dalam sistem Bank sepanjang Tempoh Promosi untuk menentukan kelayakan Pemegang Kad Layak terhadap Pulangan Tunai yang akan dijalankan setelah tamatnya Tempoh Promosi. Pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.
12. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan dan tidak bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penyampaian dan/atau pemaparan dalam sistem Bank yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad tertinggal daripada menerima atau tidak berhak mendapat Pulangan Tunai bagi Promosi, atas apa jua sebab sekalipun.

PEMENUHAN PULANGAN TUNAI DAN PEMILIHAN PEMENANG

13. Pemegang Kad Layak yang telah memenuhi Kriteria Promosi dengan Kad Kredit dan/.atau Kad Debit/-i yang aktif akan berhak mendapat Pulangan Tunai atas dasar siapa cepat dia dapat sehingga Jumlah Pulangan Tunai Bulan Sertaan berkenaan telah digunakan sepenuhnya ("Pemenang"). Setiap Pemegang Kad Layak boleh menjadi pemenang dalam setiap Bulan Sertaan sepanjang Tempoh Promosi (sila rujuk kepada jadual di bawah).

Contoh:

Tarikh	1/4	10/4	20/4	1/5	10/5	25/5	1/6	10/6	27/6
Perbelanjaan Jamu Selera dalam satu resit (RM)	50	80	200	70	90	180	60	80	200
Pulangan Tunai (RM)	N/A	N/A	30	N/A	N/A	27	N/A	N/A	30

14. Kad Kredit/Debit/-i Hong Leong Pemegang Kad Layak mestilah kekal sah dan aktif pada masa pengekstrakan data bagi tujuan pengkreditan Pulangan Tunai, jika tidak, Pemegang Kad Layak akan terlucut kelayakan daripada menerima Pulangan Tunai dan Pulangan Tunai itu akan dilupuskan.
15. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit atau Akaun Belian Runcit Kad Debit/-i Pemenang dalam masa **dua belas (12) minggu** selepas berakhirnya Tempoh Promosi. Walau bagaimanapun, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan mengreditkan Pulangan Tunai.
16. Pengumuman Pemenang akan dibuat dalam laman web HLBB di www.hlb.com.my dan laman web HLISB di www.hlisb.com.my (secara kolektif disebut "laman web Bank") dan/atau melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") dalam masa **dua belas (12) minggu** selepas Tempoh Promosi ("Pemberitahuan").
17. Pemegang Kad yang tidak menerima Pemberitahuan tersebut daripada Bank selewat-lewatnya minggu ke-12 selepas berakhirnya Tempoh Promosi dianggap TIDAK berhak mendapat Pulangan Tunai.
18. Pemenang bertanggungjawab untuk memberitahu Bank melalui surat jika tidak menerima Pulangan Tunai tidak lewat daripada **satu (1)** bulan dari tarikh terima Pemberitahuan yang dinyatakan dalam Fasal 16 di dalam ini, jika tidak, mereka akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai daripada Bank. Bank tidak akan melayani sebarang tuntutan tidak terima Pulangan Tunai oleh Pemenang selepas luputnya tempoh masa **satu (1)** bulan tersebut.

19. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech").
20. Pemegang Kad dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada M3Tech bagi tujuan Promosi.
21. Pemegang Kad Layak juga dengan ini memberi keizinan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan nama, nombor Kad Kredit/Debit/-i Hong Leong (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan (jika berkenaan) bagi tujuan Promosi.

UMUM

22. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Kad Layak telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi di dalam ini.
23. Bank tidak akan bertanggungjawab, juga tidak akan menerima apa jua liabiliti bagaimana berbangkit sekalipun atau ditanggung oleh Pemegang Kad Layak dan/atau pihak ketiga berbangkit daripada Promosi ini secara langsung atau tak langsung.
24. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit, Terma dan Syarat Kad Kredit, Terma Penggunaan Samsung Pay atau mana-mana terma dan syarat berkaitan yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
25. Bank berhak untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, untuk menggantung atau menamatkan Promosi ini atas budi bicara mutlak Bank dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank masing-masing, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank.
26. Pemegang Kad Layak yang telah melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi TIDAK layak menyertai Promosi dan/atau TIDAK berhak mendapat Pulangan Tunai.
27. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
28. Perkataan yang menandakan satu gender termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i Hong Leong yang dipautkan kepada Kad Debit/-i Hong Leong layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").